Orang Islam Yang Terkemuka

Nusaybah - Pahlawan Islam!

((Wahai bendera Rasulullah, wahai bendera sakti! Sekarang engkau berkibar semula dihadapan sesudah Rasulullah wafat! Tidak ada hidup kalau bukan berperang di bawah kibaranmu! Tidak ada bahagia kalau tidak bertemu dan berjuang di bawah kibaranmu)) –sekian kata Nusaybah, Ummu ‘Umārah, pahlawan wanita yang telah berjuang bersama-sama Rasulullah (SAW) di perang Ūḥud, sebagai singa wanita menyerahkan dirinya sebagai binatang mempertahankan serangan-serangan yang ditujukan kepada Muhammad (SAW). Ia bersama-sama anaknya, dan suaminya ialah antara sepuluh orang yang bertahan di sekeliling Rasulullah yang diserang dengan hebat oleh musuh-musuh Islam. Bacalah ceritanya di bawah ini:

Di dalam tengah malam yang gelap hanya disinari oleh bintang-bintang yang bergemerlapan di langit, sedang penduduk bandar Mekah lelap tidurnya maka beberapa orang musafir yang datang dari Yathrīb (Madinah) dengan tergesa-gesa berjalan menuju ‘Aqabah yang terletak di lembah di antara dua buah bukit. Setibanya di sana mereka itu berhenti dan diam menunggu kedatangan orang yang ditunggu mereka. Siapakah orang itu? Dan apakah pekerjaan mereka di sana?

Setelah berada di situ tidak berapa lama antaranya maka dari jauh mereka perhatikan, di dalam gelap itu, dua orang datang. Setelah dicamkan mereka siapa yang datang itu tahulah mereka bahawa yang datang itu ialah orang yang dirindui dan dicintainya, itulah Muḥammad (SAW) yang diiringi oleh ayah saudaranya ‘Abbās.

Alangkah gembiranya mereka menemui orang yang dicintainya kerana semenjak setahun sudah banyak orang-orang Yathrīb yang telah beriman kepada Allah – yang telah memeluk agama Islam; dan pada malam itulah, malam yang beratapkan langit yang dihiasi oleh cahaya bintang-bintang yang bergemerlapan terikatlah persetiaan, bersumpah setia di antara mereka dengan Rasulullah (SAW). Mereka yang datang itu berjanji akan membela Muḥammad lebih daripada keluarganya sendiri. Di sinilah diikatnya satu sejarah persetiaan yang kemudian terbukti betapa benarnya persetiaan mereka dalam membela agama Allah.

Di sini pulalah, di bawah lindungan pedang-pedang yang terhunus sebagai pengawal keselamatan mereka, Nusaybah binti Ka‘ab melafazkan sumpah setianya kepada Rasulullah (SAW).

Setelah persetiaan ini terikat, yang terkenal di dalam sejarah dengan *bai‘ah al-‘aqabah*, maka Nusaybah bersama-sama dengan rakan-rakannya pulang ke Madinah dengan membawa jiwa yang telah penuh

dengan semangat mukmin sejati, jiwa yang kuat dan tidak gentar kepada siapa pun, melainkan kepada Allah, jiwa yang penuh siap sedia untuk meninggikan agama Allah dengan bersedia memberi pengorbanan, perjuangan dengan harta dan kesenangannya, dan bukan setakat itu sahaja tetapi bersedia memberi nyawanya untuk syahid – syahid yang menjadi tujuan akhir dari cita-cita umat Islam.

Apabila kemudian Rasulullah (SAW) berhijrah ke Yathrīb (Madinah) dan apabila Allah telah mengizinkan umat Islam mencabut pedangnya untuk bertahan daripada gangguan dan serangan musuh-musuhnya maka gendang perang pun berbunyi bersahut-sahutan menyeru umat supaya berjihad pada jalan Allah, berjihad menegak dan mempertahankan kemuliaan agama Allah. Mendengar gendang perang dipalu maka tampillah pahlawan-pahlawan Islam yang telah penuh jiwanya dengan jiwa tauhid, pahlawan-pahlawan Islam yang yakin bahawa hidup di dunia ini sementara – dan semulia-mulia hidup baginya ialah pada jalan Allah – maka seruan perang mempertahankan dan menegakkan agama Allah itu ialah satu jalan mendapatkan kebahagiaan yang kekal abadi, kekal selama-lamanya dan kerana itulah mereka menjual dunia, menjual nyawanya untuk tinggal di suatu tempat kebahagiaan yang abadi itu.

Seruan berperang disahut mereka – dan menjadi tujuan mereka di dalam perjuangan itu bukannya untuk balik hidup tetapi untuk mencari mati di dalam membela agama Allah.

Di antara mereka yang menyahut seruan di dalam perang permulaan itu, di Badar tampillah bersama-sama Rasulullah (SAW) anak Nusaybah, Abdullah. Abdullah yang masih muda remaja itu berjuang di bawah panji-panji Rasulullah dengan suatu tekad mencari syahid, mencari mati di dalam perjuangan. Kerana jiwa yang seperti inilah akhirnya perang Badar itu dimenangi oleh tentera Islam....

Setelah perang Badar selesai, pulanglah ‘AbduLlah ke ribaan ibunya, Nusaybah, dengan hati yang suci tetapi belum puas kerana ia tidak mendapat cita-cita iaitu mati dalam pertempuran membela agama Allah. Adapun adiknya, Ḥabīb, sekalipun ia belum dewasa, tetapi telah mempunyai semangat dan jiwa dengan irama-irama lagu kemenangan dan nyanyian syahid yang bertiup dari telaga Ilahi yang baharu diyakini olehnya.

Tidak berapa lama antaranya, setelah perang Badar selesai, maka timbullah pula perang Ūḥud, dan di sinilah terserlah sejarah hidup Nusaybah sendiri bersama-sama keluarganya, terutamanya atas pemergian yang tidak pulang-pulangnya dari Zayd bin Asīm suaminya. Setelah suaminya berpulang ke *rahmatu’Llāh ta‘alā*, Nusaybah bersuamikan Ghaziyah bin ‘Amrū dan kemudiannya bersama-sama dengan suaminya ini dan anaknya ‘AbduLlah bin Zayd, Nusaybah pergi ke medan perang Ūḥud untuk menjadi jururawat kepada mereka yang tercedera di medan perang.

Nusaybah, dengan matanya sendiri, melihat kemenangan-kemenangan yang didapat oleh tentera Islam pada mulanya di medan Ūḥud itu; dan sebaliknya dengan matanya pula ia melihat kekalahan yang diderita oleh umat Islam di medan itu iaitu setelah kaum Muslimin terpedaya dengan harta dunia. Ia melihat bahawa sedang kaum Muslimin berebut-rebut dengan harta rampasan perang, tentera kafir datang menyerbu dengan hebatnya sehingga pasukan Islam bercerai-berai dan bertukar kemenangan dengan kehinaan. Mereka lari meninggalkan Rasulnya yang dikepung oleh musuhnya.

Pada saat yang gelap dan sulit ini, bendera Rasulullah (SAW) dikibarkan menyeru umatnya. Tinggi mengawan bendera itu dikibarkan melambai-lambai kepada mereka yang telah bersumpah setia akan sehidup semati pada jalan Allah! Tetapi lihat bagaimana akhirnya janji mati dan sumpah setia itu; lihat, keadaan mati mengembangkan sayapnya: Hamzah ibn ‘Abd al-Mutalib mangkat, Muṣ‘ab ibn ‘Umayr, ‘AbduLlah ibn Jaḥshi dan pahlawan-pahlawan pilihan syahid di dalam perjuangan itu.

Adakah Rasulullah akan keseorangan ditinggalkan oleh pengikut-pengikutnya? Adakah cahaya Islam akan hilang kerana rempuhan-rempuhan tentera kafir yang bertujuan untuk menghapuskan Rasulullah? Tidak! Masih ada mereka yang bersedia menyerahkan dirinya membela Rasulnya; masih ada pahlawan-pahlawan Islam yang reda mati untuk Islam membela Rasulnya. Mereka itu tidak lebih daripada sepuluh orang. Mereka menjadi perisai Nabi, menjadi benteng Nabi daripada serangan-serangan musuhnya yang bertujuan menghancurkan Nabi. Di antara orang-orang yang sepuluh itu termasuklah Nusaybah binti Ka‘ab, suaminya Ghaziyah dan anaknya ‘AbduLlah bin Zayd. Sambil bertasbih dan bertakbir mereka berjuangan dengan beraninya membela agama Allah.

* * *

Nusaybah apabila melihat ikatan kaum Muslimin bercerai-berai terus membuang beg perubatannya dan terus menghunus pedangnya melangkah maju di medan itu sebagai seekor singa betina mempertahankan anaknya. Dengan keberaniannya yang luar biasa, Nusaybah, menahan anak-anak panah yang ditujukan musuh kepada Rasulullah (SAW). Dengarlah bagaimana pengakuan Nabi sendiri dalam hal ini:

((Ke mana sahaja saya berpaling, melainkan saya lihat Nusaybah binti Ka‘ab berperang dengan gagah beraninya kerana membela saya.))

Dalam masa manusia yang lain bertempiaran lari Nusaybah maju dan bertahan dengan tidak setapak pun undur mempertahankan Muḥammad dari serangan musuh yang bertubi-tubi itu. Demikian juga anaknya ‘AbduLlah bin Zayd dan suaminya Ghaziyah bersama dengan beberapa orang pahlawan yang berjumlah tidak lebih dari sepuluh orang itu berkeliling menjadi perisai Nabi daripada serangan-serangan musuh yang hebat itu dengan tidak memperdulikan apa yang akan terjadi kepada mereka.

Ketika Nabi Muḥammad melihat Nusaybah tidak berperisai dan pada ketika itu berlalu di hadapannya seorang lelaki yang berperisai yang hendak lari dari medan perang, beliau berseru: ((Serahkan perisaimu kepada orang yang berperang.))

Nusaybah mengambil perisai yang dilemparkan oleh lelaki itu – dan dengan berbentengkan perisai itu ia mengelak dan menangkis serangan musuh yang ditujukan kepada Muḥammad.

Dengan perisai ini pula Nusaybah menangkis serangan seorang tentera berkuda musuh yang menyerang dengan tiba-tiba. Bukannya sahaja ia menangkis serangan itu tetapi ia mengajar musuhnya dan dipukulnya punggung kuda musuhnya sehingga jatuh tersungkur – dan dalam masa kejadian yang ngeri ini Rasulullah berseru: ((Wahai putra Ummu ‘Umārah (sebutan Nusaybah) bantu ibumu, bantu ibumu!))

Demikian dengan bantuan anaknya ‘AbduLlah ibn Zayd, Nusaybah membunuh musuhnya yang mendahului hendak membunuhnya.

Mengenai kekerasan hati ibunya pernah ‘AbduLlah ibn Zayd anaknya berkata: ((Lengan kiriku telah luka ditetak musuh dan darah mengalir dengan tidak berhenti-henti. Rasulullah (SAW) bersabda: ((Ikat dahulu lukamu)). Kemudian datanglah ibuku membawa bungkusan ubatnya dan dibalutnya luka tanganku sedang Nabi berdiri tegak memandangku. Setelah selesai lukaku dibalutnya maka ibuku berkata: Bangun anakku, mari kita serbu musuh! Mendengar ucapan ibuku ini Rasulullah bersabda pula: Siapakah yang mempunyai jiwa waja seperti yang engkau punyai, ya Ummu ‘Umārah?))

Beginilah jiwa wanita Islam yang telah dipenuhi oleh roh tauhid! Terus berjuang, berjuang membela agama Allah di dalam medan yang dikelilingi oleh maut – Di medan yang penuh bermandikan darah dengan berpantang undur walau setapak pun! Hidupnya dan matinya hanya untuk Allah – tujuan perjuangannya untuk syahid membela junjungan Muḥammad (SAW). Mereka mati apa, namun Muḥammad jangan hapus di medan perang oleh tentera musuh – cita-cita Islam mesti dihidupkan dan diperjuangkan sehingga kepada darah syahid yang terakhir.

(bersambung)

(sambungan dari muka 30)

tempatnya berdiri, ia menghampiri dan mengharap sokongan Komunis kerana di dalam partinya sendiri P. N.I. sokongan kepadanya telah lemah sebab di sana telah tumbuh orang-orang yang tadinya boleh dilakukannya sekehendak hatinya – sekarang ini telah berpaling tadah – setengah-setengah sudah tidak mahu lagi mengambil bahagian yang penting di dalam perjuangan kerana melihat dengan mata sendiri sekalipun orang-orang mereka salah, telah melanggar undang-undang namun orang itu masih dipertahankan kedudukannya oleh Sukarno.

Hal-hal ini tidak asing lagi kepada umat di seluruh dunia. Pemerintahan cara fasis telah berdiri di Indonesia. Peristiwa tentera Chut Champa di Aceh masih dikenang orang. Peristiwa tentera Sukarno menyiat-nyiat daging orang yang masih hidup masih terbayang lagi – dan demikianlah akan berlaku seterusnya selagi Sukarno memerintah. Pemimpin hidup mewah – rakyat kelaparan – kelaparan di daerah-daerah Cerebon dan Jawa Tengah bermaharajalela terutamanya di dalam kekurangan kapal sesudah ia menghidupkan masalah Irian Barat; dan kapal-kapal yang diterimanya dari Rusia – tidak membawa beras untuk menjauhkan kelaparan rakyat di Jawa tetapi, tidak menjadi perkara rahsia lagi, telah membawa senjata, senjata untuk membunuh saudara-saudaranya sebangsa Indonesia yang menghendaki supaya pemerintahan di Indonesia disusun mengikut dasar yang utama supaya rakyat hidup aman dan makmur – tidak menderita seperti sekarang – hidup di bawah jambatan – melarat dan menderita sedang sebalik itu komunis dihidupkan dan penjajahan Jawa ke daerah dijalankan yang di dalamnya dalam mengadakan pemindahan dari Jawa dibawa orang-orang Komunis sehingga di dalam daerah-daerah itu sendiri kelak akan dilitupi oleh Komunis yang ertinya apabila kelak Komunis berkuasa di seluruh Indonesia maka keselamatan umat Islam akan berbahaya – mereka akan menjadi orang-orang buruan dan seumpamanya.

(bersambung)